

KAUNSELING PERSPEKTIF ISLAM: CABARAN KAUNSELOR DAN PERSPEKTIF KLIEN MASA KINI

Norazlina Zakaria¹

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia, (UUM)
Emel: *norazlina.zakaria@uum.edu.my*

Amir Awang²

Lembaga Kaunselor Malaysia
Emel: *a.amirawang@gmail.com*

Abstrak

Artikel ini berkenaan cabaran kaunselor dalam melaksanakan Kaunseling Islam dan juga pengalaman peribadi penulis berkaitan perspektif klien terhadap Kaunseling Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah temubual terhadap 21 orang kaunselor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran utama yang dihadapi oleh kaunselor ialah dua cabaran luaran iaitu pengiktirafan oleh kerajaan serta sebutan dalam Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) dan polemik dalam penggunaan istilah Kaunseling Islam. Terdapat lima cabaran dalaman iaitu kehendak politik yang rendah, cabaran akademik dan ilmu pengetahuan, pengurusan yang tidak sistematik, ketiadaan format, manual dan garis panduan yang komprehensif dan kurang promosi. Perspektif klien terhadap Kaunseling Islam pula terbahagi kepada dua kategori; pertama perspektif klien non-Muslim dan Muslim yang berorientasi duniawi lebih cenderung kepada teori Barat, manakala klien Muslim yang berorientasi akhirat amat mudah menerima Kaunseling Berperspektif Islam.

Kata kunci: Kaunseling Keagamaan, Kaunseling Islam, Cabaran, Persepsi Klien.

PENDAHULUAN

Islam ialah agama yang syumul dan lengkap mencakup semua aspek kehidupan, keyakinan bahawa Islam ada penyelesaian untuk semua masalah manusia dan kepercayaan bahawa Rasulullah ialah contoh 'kaunselor' terbaik, beberapa orang kaunselor Muslim di Malaysia mengorak langkah memulakan agenda memperkenalkan Kaunseling Perspektif Islam. Perjuangan dan amalan Kaunseling Islam atau Kaunseling Perspektif Islam di Malaysia telah pun melewati hampir empat dekad. Sepanjang dekad tersebut para kaunselor berhadapan dengan pelbagai pengalaman suka duka dalam usaha mereka memartabatkan Kaunseling Islam di Malaysia setanding dengan amalan kaunseling konvensional.

Justeru, kajian tentang cabaran kaunselor Muslim dan persepsi klien ini telah dilaksanakan dengan objektif untuk meneroka halangan-halangan yang dihadapi serta penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam usaha memperkembangkan Kaunseling Islam di Malaysia. Artikel ini akan menyingkap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengamal-pengamal dan juga melaporkan perspektif klien terhadap praktis Kaunseling Islam di Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Perkembangan Kaunseling Berperspektif Islam di Malaysia

Kaunseling Islam mula diperkatakan di Malaysia pada tahun 1980an. Hasan Langgulung(1986) menyentuh tentang kaunseling Islam dalam bukunya *Teori-teori Kesehatan Mental*. Seterusnya beberapa orang tokoh seperti Abdul Halim Othman (1986, 1996 & 1998) Wan Hussein @ Wan Azmi Wan Abdul Kadir (1986 & 1995), Aziz Salleh (1993) dan Kamal Abdul Manaf (1995, 1996, 2000) menulis buku-buku dan artikel yang mengetengahkan idea-idea asas berkaitan Kaunseling Islam. Kehadiran Dr. Malik Badri (1978, 1980, 1995, 1996, 2002 & 2002b), seorang ahli psikologi dari Sudan sebagai profesor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, merancakkan lagi perbahasan tentang Kaunseling Islam khasnya apabila beliau membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk “*Muslim Psychologists in the Lizard’s Hole*” (1398H), di Kuala Lumpur pada tahun 1995. Kritikan keras beliau terhadap ahli psikologi Muslim yang terpedaya mengekori psikologi Barat yang disifatkan beliau sebagai “masuk ke dalam lubang biawak” telah menyentak kotak fikir kaunselor Muslim di Malaysia seterusnya membangkitkan kesedaran yang lebih tinggi untuk mengamalkan kaunseling Islam.

Sejak tahun 1980an juga, persidangan demi persidangan telah dianjurkan untuk memartabatkan Kaunseling Islam. Antaranya *Seminar Ke Arah Pemupukan Islam Dalam Kaunseling* (1988-ITM), siri-siri *The National Seminar on Islamic Counseling* antara tahun 1992 hingga 1996 yang dianjurkan oleh Univerisiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Seminar Dakwah dan Kaunseling Islam (UKM-2000). Selepas tahun 2000, lebih banyak seminar Kaunseling Islam dianjurkan saban tahun oleh institusi-institusi pengajian tinggi dan juga persatuan-persatuan kaunseling Islam. Terdapat tiga buah persatuan utama yang memperjuangkan Kaunseling Islam iaitu Persatuan Fasilitator Motivasi Muslim Malaysia, Persatuan Sains Sosial Islam dan Persatuan Kaunseling Syar’ie. Namun, dua buah persatuan terawal tersebut telah pun ditamatkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) atas sebab teknikal. Tinggal satu sahaja persatuan iaitu Persatuan Kaunseling Syar’ie (PAKSI) yang baru saja ditubuhkan pada tahun 2014, yang masih aktif dengan keahlian lebih dua ratus orang kaunselor Muslim berdaftar (Zakaria dan Mat Akhir, 2016b).

Sejak tahun tahun 2000, kaunselor-kaunselor Muslim terutamanya yang menjadi tenaga pengajar di institusi-institusi pengajian tinggi mula mengorak langkah membangun model dan modul Kaunseling Islam. Othman Mohamed (2005) dikenalpasti antara yang terawal membangun model Kaunseling Islam yang dinamakan beliau sebagai *Kognitif ad-Deen*. Model-model Kaunseling Islam lain yang dibangunkan di Malaysia adalah seperti model *Kaunseling Bina Jiwa* oleh Kamaruzzaman Jalaludin (2006), *iCBT (Islamic Cognitive Behavioral Therapy)* oleh Nadiyah Elias (Zakaria dan Mat Akhir, 2013), *Kaunseling Gaya Nabi* (Mohd & Tim Pengkaji Hadith Psikologi, 2013) dan *Kaunseling Asmaul Husna* (Wan Mohd 2013). Selain itu, terdapat beberapa orang pengkaji yang menekuni teori-teori psikologi oleh Iman al-Ghazali yang seterusnya membangunkan model kaunseling al-Ghazali seperti Yatimah Sarmani (2003, 2005 & 2008), Salasiah Hanin Hamjah (2008) dan Md Noor Saper (2012).

Meninjau daripada aspek pengajian kaunseling Islam, beberapa buah jabatan dakwah di institusi pengajian tinggi seperti di Universiti Malaya dan di Universiti Kebangsaan Malaysia, turut menawarkan kursus-kursus berkaitan kaunseling Islam dalam program yang ditawarkan. Pengajian kaunseling yang menggunakan pendekatan Islam mula diperkenalkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Seterusnya pada tahun 2004 Universiti Sains Islam Malaysia turut menawarkan program ijazah kaunseling yang diintegrasikan dengan ilmu Islam. Beberapa kolej Islam negeri seterusnya menawarkan program Diploma Kaunseling Islam (USAS dan KITAB) dan juga Sarjana Kaunseling Berperspektif Islam (KUIIN, sekarang UniSHAMS)(Zakaria dan Mat Akhir, 2016b).

Aktiviti pengajian kaunseling Islam dan pembangunan model kaunseling Islam agak aktif namun perkembangan penubuhan pusat-pusat kaunseling Islam amatlah perlahan. Terdapat hanya tiga buah klinik kaunseling profesional, lapan buah pusat runding cara di Jabatan-jabatan Agama Islam negeri, empat buah pusat kaunseling di bawah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), dua buah pusat kaunseling Islam di Pusat Islam Universiti (USM dan UUM), satu sahaja pusat kaunseling Islam beroperasi di masjid (Masjid Puchong Perdana), tiga perkhidmatan kaunseling Islam *secara atas talian*, dan beberapa khidmat kaunseling Islam yang disediakan oleh NGO seperti ABIM, IKRAM dan HALUAN (Zakaria, 2017).

Berdasarkan perkembangan Kaunseling Islam yang telah dinyatakan dapatlah disimpulkan bahawa gerakan kaunseling Islam di Malaysia telah memasuki fasa perkembangan dan pembangunan model (Zakaria & Mat Akhir, 2016b), dan tidak lagi berlegar sekitar isu pencarian identiti atau keasliannya (Zayed, 2014). Meskipun demikian, kaunselor-kaunselor yang memperjuangkan Kaunseling Islam di Malaysia ini, tidak terlepas daripada berhadapan dengan cabaran-cabaran serta rintangan-rintangan dalam perjuangan mereka memartabatkan Kaunseling Islam di Malaysia. Cabaran-cabaran ini tidak dinyatakan dalam kajian-kajian lepas, justeru penulis mengambil inisiatif meneroka pandangan kaunselor Muslim di Malaysia, agar ia cabaran-cabaran tersebut dapat menjadi data empirikal yang diterbitkan sebagai panduan generasi akan datang.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan dua kaedah pungutan data iaitu kajian lapangan melalui temu bual terhadap 21 orang kaunselor berkenaan cabaran kaunselor dalam melaksanakan Kaunseling Islam; dan juga naratif pengalaman peribadi penulis (Amir Awang) berkaitan perspektif klien terhadap Kaunseling Islam. Bagi data temu bual, ia adalah sebahagian daripada data kajian Doktor Falsafah penulis (Norazlina Zakaria) dalam tesis yang bertajuk *A Comparison of The Recognition of Islamic and Christian Counselling in Malaysia*, yang belum diterbitkan.

Pengumpulan data melalui temubual telah dilakukan pada tahun 2012 sehingga 2016. 20 orang responden merupakan kaunselor berdaftar Muslim dan seorang responden bukan kaunselor berdaftar tetapi menjalankan runding cara di pusat kaunseling di sebuah masjid. Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah pengekodan dan pembinaan tema, pengalaman peribadi penulis berkaitan persepsi klien dianalisis daripada catatan nota kes yang dipaparkan secara naratif mengikut tema.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Cabaran Kaunselor Pengamal Kaunseling Berperspektif Islam di Malaysia

Cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti dapatlah dibahagikan kepada dua aspek utama iaitu cabaran luaran dan cabaran dalaman yang berpunca daripada kelemahan pengamal Kaunseling Islam sendiri:

Cabaran Luaran

Pengiktirafan oleh Kerajaan dan Sebutan dalam Akta Kaunselor 1998 (Akta 580)

Kebanyakan responden kajian berpendapat bahawa Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) (2006) tidak menyebut secara jelas tentang keizinan pengamalan kaunseling keagamaan termasuklah Kaunseling Islam. Ketidakjelasan tersebut menyebabkan para kaunselor kabur dengan status pengiktirafan Kaunseling Islam. Seorang responden membuat kesimpulan bahawa Kaunseling Islam tidak diiktiraf di Malaysia kerana tiada sokongan daripada kerajaan. Seorang responden lagi menyatakan bahawa sebahagian kaunselor konvensional melarang penggunaan perkataan Kaunseling Islam, malah ada responden yang menyebut bahawa ramai penemu duga untuk permohonan pendaftaran kaunselor berdaftar adalah daripada kalangan kaunselor konvensional yang tidak mengiktiraf Kaunseling Islam, sebaliknya hanya mengkategorikannya sebagai bimbingan. Seorang responden lain memberi justifikasi terhadap pendapatnya bahawa Kaunseling Islam tidak diiktiraf berdasarkan larangan penggunaan perkataan Kaunseling Islam pada ijazah-ijazah kaunseling di institusi-institusi pengajian tinggi. Seorang responden lagi mendakwa perkataan Kaunseling Islam tidak dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) untuk digunakan sebagai nama mana-mana persatuan. Faktor-faktor yang disebutkan ini menjadi justifikasi kepada dakwaan bahawa Kaunseling Islam tidak diiktiraf secara jelas oleh Kerajaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, tiga daripada 21 orang responden berpendapat bahawa Kaunseling Islam diiktiraf di Malaysia dengan alasan selagi mana pengamal-pengamalnya mempunyai lesen Kaunselor Berdaftar yang dianugerahkan oleh Lembaga Kaunselor, mereka bebas untuk mengamalkan apa-apa pendekatan termasuk Kaunseling Islam. Alasan kedua ialah kewujudan unit-unit kaunseling (runding cara) di agensi kerajaan Jabatan-jabatan Agama Islam, ia merupakan bukti Kaunseling Islam diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Penulis berpendapat ketidaknyataan (*silence*) mana-mana artikel berkenaan amalan Kaunseling Islam dalam Akta Kaunselor (Akta 580) telah memberi persepsi bahawa ia tidak diiktiraf. Terdapat juga beberapa prinsip dalam amalan Kaunseling Islam yang bercanggah dengan etika kaunselor yang digazet oleh Lembaga Kaunselor. Konsep bebas nilai, kaunseling bukan nasihat dan isu *dual relationship* yang menyebabkan pengamal kaunseling Islam perlu berhati-hati menguruskan persetujuan termaklum klien (*client informed consent*) sebelum mempraktikkan kaunseling Islam kepada klien.

Polemik dalam Penggunaan istilah Kaunseling Islam

Para responden kajian (Zakaria, 2017) turut menyuarakan beberapa isu dalam penggunaan istilah Kaunseling Islam. Ada yang berpendapat istilah tersebut tidak boleh digunakan atas lima faktor:

pertama, disebabkan Islam bukan sains, maka menisbahkan kaunseling (yang merupakan satu bentuk sains) kepada Islam, suatu bentuk kepercayaan yang *intangibile* dan tidak boleh diukur, adalah tidak absah; kedua, kerana responden yang berpendapat sebegini juga tidak bersetuju dengan konsep Islamisasi. Kaunseling ialah satu ilmu yang terbit daripada eksperimen yang panjang, maka tidak wajar di-Islamisasi. Ketiga, kerana pengamal Kaunseling Islam dianggap tidak mengemukakan apa-apa teori dan teknik yang asli (*genuine*) sebaliknya hanya menggunakan teori Barat yang ditempel-tempel dengan sedikit ritual atau adab Islam. Keempat, *terminology* yang menisbahkan kaunseling kepada Islam merendahkan martabat Islam kerana meletakkan Islam selepas perkataan kaunseling, yang sekali gus difahami sebagai Islam perlu menuruti konsep kaunseling Barat; dan kelima, kerana istilah ini boleh menyebabkan kaunselor Muslim yang mengamalkan kaunseling konvensional dianggap tidak Islamik. Mereka yang berpendapat sebegini mencadangkan penggunaan istilah kaunselor Muslim, yang membawa maksud kaunseling yang diamalkan oleh seorang Muslim, dan bukannya Kaunseling Islam.

Situasi keluar daripada polemik dan sensitiviti pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan penggunaan istilah Kaunseling Islam dan keraguan tentang penerimaan istilah tersebut oleh pihak-pihak tertentu, sebahagian responden mencadangkan penggunaan istilah lain seperti Kaunseling Berperspektif Islam, Kaunseling Syar'ie dan *al-Irsyad al-Nafsiy*. Ironinya, perkataan *al-Irsyad al-Nafsiy* adalah terjemahan Bahasa Arab kepada perkataan kaunseling. Kaunselor Arab di Timur Tengah memahami maksud *al-Irsyad al-Nafsiy* sebagai kaunseling konvensional atau kaunseling sekular. Penulis (Zakaria, 2017) semasa membentangkan kertas kerja di seminar kaunseling di Oman pada tahun 2014 yang dihadiri oleh kaunselor dari pelbagai negara Arab, kebanyakan daripada mereka turut menolak penggunaan istilah *al-Irsyad al-Nafsiy al-Islamiy* (Kaunseling Islam) atau *al-Irsyad al-Nafsiy al-Diniy* (Kaunseling keagamaan) dengan alasan yang sama, iaitu kaunseling merupakan sains yang tidak boleh dinisbahkan kepada apa-apa agama.

Istilah Kaunseling Syar'ie pula sebenarnya bermaksud Kaunseling Islam, kerana perkataan *syar'ie* bukan bermaksud hukum hakam halal haram, sebaliknya ia bermaksud mengikut syariat. Maka istilah Kaunseling Syar'ie maksudnya adalah kaunseling yang Islamik yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah serta mematuhi semua aspek pensyari'atan Islam, sama ada dari sudut aqidah, ibadah atau akhlak. Justeru penggunaan istilah Kaunseling Syar'ie, yang ironinya diterima oleh agensi-agensi kerajaan termasuk Pendaftar Pertubuhan (ROS), sebenarnya adalah satu helah bijak permainan bahasa, iaitu penggunaan istilah yang biasa didengari oleh orang awam kerana persamaan penggunaannya dalam bidang lain yang telah *established* seperti guaman syar'ie.

Justeru, setelah mengambil kira pandangan-pandangan ini, dan untuk keluar daripada polemik, Persidangan Meja Bulat Kaunseling yang diadakan di Kolej Universiti INSANIAH, Kuala Ketil, Kedah pada 27 Januari 2018 telah bersetuju untuk mengguna istilah Kaunseling Perspektif Islam. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak mengambil kira hikmah dalam menangani polemik yang dibincangkan sebelum ini, secara peribadi, penulis bersetuju dengan pendapat beberapa responden kajian (Zakaria, 2017) yang menyatakan bahawa istilah Kaunseling Islam boleh digunakan. Lebih-lebih lagi apabila penulis mengkaji asal usul perkataan '*counseling*' daripada akar umbi perkataan *consilium* dalam Bahasa Latin yang mula digunakan pada abad ke-13 Masihi yang bermaksud nasihat dan rundingan dan tidak pun membawa maksud sains kaunseling yang eksklusif seperti hari ini. Penganut Kristian pula mendakwa asal usul perkataan

'*counselor*' telah digunakan dalam *Bible (Book of Isaiah, Chapter 9, verse 6)* sebelum abad ke-3 Masihi lagi, lama sebelum kaunseling menjadi sains. Ia berasal daripada perkataan dalam bahasa Ibrani (*Hebrew*) "*ya'ats*" atau dalam bahasa *Greek* "*bouleutes*" yang apabila diterjemahkan ke dalam *Bible* berbahasa Arab menggunakan istilah '*wa'idz*' iaitu pemberi pengajaran atau nasihat (Zakaria, 2017). Perkataan '*counseling*' hanya telah dieksklusifkan penggunaannya setelah wujud pelbagai Akta Kaunselor di Amerika dan juga negara-negara lain seperti Malaysia, sehingga menafikan penggunaan perkataan tersebut secara literal yang membawa maksud nasihat (*Webster's New World Dictionary*, 1994: 222) atau memberi cadangan atau konsultasi (*Webster's New World Dictionary*, 1994: 316).

Meskipun penulis berpendapat bahawa penggunaan istilah Kaunseling Islam adalah sah dan boleh digunakan dalam aspek skopus ilmu, penulis tetap berpendirian bahawa penggunaan gelaran kaunselor perlu tertakluk kepada pendaftaran yang tertakluk kepada pendaftaran kaunselor berdaftar dan perakuan amalan di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia, kerana penggunaan gelaran tersebut memberi ruang kepada aktiviti mengaut bayaran untuk khidmat kaunseling profesional. Contohnya seorang Imam boleh melaksanakan Kaunseling Islam sekiranya beliau mempunyai kemahiran dan ilmu yang cukup berkaitan Kaunseling Islam, tetapi beliau tidak boleh menggunakan gelaran kaunselor sekiranya tidak berdaftar dengan Lembaga Kaunselor.

Cabaran Dalaman

Kehendak Politik (*political will*)

Kehendak politik yang rendah di kalangan kaunselor Muslim telah menjadikan gerakan Kaunseling Islam tidak progresif. Realiti bahawa hanya satu buah masjid sahaja di Malaysia yang mempunyai pusat kaunseling menunjukkan bahawa tidak ramai kaunselor Muslim yang berminat mengembangkan Kaunseling Islam. Persatuan Kaunseling Syar'ie yang baru ditubuhkan pada tahun 2014 juga belum berupaya menjadi kumpulan pendesak memperjuangkan kepentingan Kaunseling Islam. Pengamal-pengamal Kaunseling Islam juga tidak kesemuanya menganggotai persatuan ini dan bersatu menjadikannya wadah yang kuat membawa suara serta cadangan ke Lembaga Kaunselor dan Kerajaan Malaysia.

Cabaran Akademik dan Ilmu Pengetahuan

Graduan dalam bidang Kaunseling Islam masih sedikit, hingga menyebabkan penjawatan kaunselor tidak dapat diwujudkan di Jabatan-jabatan Agama Islam negeri. Program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling Islam yang melayakkan graduannya memohon pendaftaran sebagai Kaunselor Berdaftar di Malaysia. Seorang pengamal Kaunseling Islam pula mesti menguasai dengan baik kedua-dua aliran ilmu iaitu ilmu-ilmu wahyu (pengajian Islam) dan juga ilmu kaunseling profesional. Justeru, kursus-kursus silang disiplin perlu lebih banyak diadakan untuk melengkapkan kaunselor-kaunselor Muslim dengan ilmu-ilmu pengajian Islam, dan begitu juga sebaliknya. Graduan pengajian Islam pula perlu memantapkan penguasaan ilmu-ilmu kaunseling konvensional.

Selain itu, penerbitan buku-buku atau artikel berkaitan Kaunseling Islam masih amat sedikit. Begitu juga aktiviti penyelidikan berkaitan dengannya tidak begitu rancak.

Pengurusan yang Tidak Sistematik

Tiada standard tertentu untuk mengurus pengamalan Kaunseling Islam di Malaysia. Penjawatan kaunselor di jabatan-jabatan agama negeri juga tidak seragam. Terdapat Majlis Agama Islam yang mempunyai unit kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor berdaftar, namun banyak jabatan agama Islam negeri lain yang tidak mempunyai sebuah kaunselor, menyebabkan pegawai runding cara yang dilantik melaksanakan kaunseling adalah bukan daripada kalangan kaunselor terlatih. Di samping itu, tiada mana-mana pihak berautoriti yang mempunyai kapasiti untuk mengarahkan dan menyelaraskan penubuhan unit atau pusat kaunseling di masjid-masjid seluruh Malaysia.

Selain penubuhan unit atau pusat di masjid dan agensi kerajaan berkaitan hal ehwal agama Islam, apa yang lebih diperlukan ialah sebuah badan yang mempunyai autoriti mengaudit atau memberikan akreditasi atau perakuan berkaitan amalan Kaunseling Islam yang sah dan bertepatan dengan syariat Islam. Ruang untuk berlaku penyelewengan atau penipuan atas nama Kaunseling Islam terbuka luas tanpa badan ini. Apa yang lebih membimbangkan adalah bahaya yang boleh menimpa klien dan kaunselor disebabkan ketiadaan kawalan dan pemantauan ini.

Ketiadaan Format, Manual dan Garis panduan yang Komprehensif

Terdapat ramai kaunselor Muslim yang berminat untuk mengamalkan Kaunseling Islam, malangnya tiada satu manual yang lengkap serta mesra pengguna yang boleh menjadi rujukan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerbitkan Manual Kaunseling Syar'ie pada tahun 2014. Walaupun maklumat-maklumat asas berkenaan falsafah, matlamat, fungsi dan proses kaunseling Islam dinyatakan dengan jelas, manual ini bercampur aduk dengan *ilaj syar'ie* dan *ruqyah syariyyah* yang boleh menyebabkan pembacanya menjadi agak keliru.

Garis panduan berkaitan skop dan prinsip-prinsip Kaunseling Islam juga belum ada, lantaran tiada pihak berautoriti di Malaysia yang bertanggungjawab mengawal selia pengamalan Kaunseling Islam. Begitu juga tiada satu format khusus yang ditetapkan untuk pembinaan modul-modul Kaunseling Islam.

Kurang Promosi

Amalan Kaunseling Islam tidak dipromosikan dengan meluas di Malaysia dan rentetan itu masyarakat Muslim tidak menyedari kewujudan serta kepentingannya. Selain pihak berautoriti, pengamal Kaunseling Islam sendiri seharusnya mengwar-warkan dengan lebih proaktif. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka dan memperkenalkan Kaunseling Islam kepada khalayak.

Perspektif Klien Masa Kini

Bahagian kedua ini lebih merupakan laporan dan penilaian pengalaman yang dilalui oleh penulis sendiri (Amir Awang) sewaktu berkhidmat di universiti sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) dan seterusnya profesor dalam bidang kaunseling di beberapa buah universiti lain. Selain daripada menjadi tenaga akademik bagi program yang dikendalikan, sebahagian masa penulis telah digunakan untuk memberi kaunseling kepada pelajar yang menemui penulis secara sukarela. Secara dikotomi yang jelas, kumpulan pelajar yang berjumpa dengan penulis dengan berbagai-bagai isu dapatlah dikategorikan kepada dua kategori yang agak jelas. Kategori pertama merangkumi pelajar-pelajar biasa yang diketahui umum sebagai berorientasikan “dunia” yang

meangkumi pelajar-pelajar bukan Islam dan pelajar Muslim, manakala satu kumpulan lagi lebih mirip kepada “akhirat”. Kategori pelajar ini khusus merujuk kepada pelajar-pelajar Melayu Islam.

Terdapat dua kategori yang berlainan orientasi, penulis agak berhati-hati semasa membina hubungan atau *rapport* dengan pelajar atau kliennya bagi mengelak disalahtafsirkan oleh klien. Oleh yang demikian, bahagian pembinaan hubungan ini sering digunakan untuk menerokai orientasi klien terlebih dahulu. Jika orientasinya “duniawi” maka kaunseling konvensional lebih mudah dikendalikan kerana jiwanya selari dengan orientasi ini. Lantaran itu, teori-teori Baratlah yang banyak digunakan. Selalunya klien golongan ini sudah pun mempunyai sedikit kefahaman tentang kaunseling dan memulakan kaunseling dengan mereka menjadi agak mudah. Proses maklumat termaklum difahami mereka dan biasanya mudah sahaja dilaksanakan. Mereka juga faham dengan kaedah-kaedah yang digunakan dalam proses kaunseling kerana mereka sudah biasa dengan kaunseling konvensional. Yang mereka tidak faham ialah tentang berbagai-bagai teori yang wujud dalam bidang kaunseling dan teori yang digunakan oleh kaunselor. Oleh kerana sudah ada sedikit sebanyak kefahaman tentang kaunseling, proses kaunseling dapat berjalan dengan agak lancar. Mereka sudah pun mempunyai perspektif yang selari dengan apa yang kaunselor lakukan.

Justeru, bagi kategori pelajar sebegini, penulis melakukan modifikasi kaunseling konvensional dan memasukkan elemen Islamik dalam kaunseling hanya sedikit sahaja. Meskipun melakukan kaunseling secara konvensional, sebagai seorang Muslim, penulis akan cuba menerapkan elemen kerohanian ke dalam proses kaunseling untuk melihat reaksi atau sambutan klien, dan lebih penting daripada itu ialah untuk melaksanakan pesanan Rasulullah SAW untuk menyampaikan Islam walaupun hanya dengan satu ayat. Maka, jika penulis nampak ada sedikit kecenderungan klien untuk mengenali kaunseling perspektif Islam, kaunselor akan memberi sedikit huraian mengenai falsafah, rasional dan kaedah kaunseling perspektif Islam yang jika dipandang daripada perspektif kaunseling konvensional, mungkin sudah dianggap sebagai melakukan suatu “kesalahan”, namun penulis tidak merasa demikian, kerana apa yang dilakukan oleh penulis adalah sekadar memenuhi permintaan dan kehendak kliennya.

Bagi klien yang orientasinya akhirat, pembinaan hubungan tertumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam daripada segi keimanan, amalan dan lain-lain. Klien yang berorientasi akhirat agak mudah menerima hasil intervensi Islamik untuk diamalkan, bukan sahaja kerana ia sendiri sudah condong ke arah akhirat, bahkan sudah pula mempunyai ilmu dan pengalaman yang sejajar dengan apa yang dibincangkan. Oleh itu, penulis tidak punya kesulitan untuk melaksanakan kaunseling berperspektif Islam. Sesuatu yang lebih menarik, klien ini akan melihat apa sahaja yang dikongsi bersama merupakan suatu ibadah yang pasti mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah SWT.

Satu hal yang sering penulis lakukan dengan klien yang ingin mencuba dan klien yang sudah sehati dengan agama Islam ialah mengadakan sesi susulan yang lebih berbanding dengan klien yang hanya berminat dengan kaunseling konvensional. Seperkara lagi yang amat menyentuh hati penulis, melalui kaunseling berperspektif Islam ini, baik yang mahu mencuba, apatah lagi yang sudah sehati dengan agama Islam, amalan-amalan yang dianjurkan dalam sesi kaunseling menjadi amalan harian, dan ditambah pula dengan peningkatan amalan fardu dan sedikit sebanyak amalan yang sunat. Berdasarkan pengalaman penulis, jelas bahawa impak atau kesan Kaunseling

Perspektif Islam lebih mendalam, kerana itu bukan setakat menyentuh kognitif, afektif atau psikomotor seperti yang biasa terdapat dalam teori konvensional, bahkan ia akan menyentuh hati dan roh individu berkenaan. Kejayaan yang dicapai merangkumi kejayaan duniawi dan ukhrawi, suatu kejayaan yang imbang sejajar dengan penciptaan manusia. Bonus ini berupaya memberi rasa istimewa pada diri penulis, kerana ia merasa bahawa ia telah pun melaksanakan pesanan Rasulullah SAW, daripada Abdullah bin Amr (RA), bahawa Nabi SAW bersabda:

يَلْعَوَاعَتِيْ وَلَوْ آيَةً

”Sampaikanlah daripada-ku walau hanya satu ayat“ (Hadis Riwayat Bukhari)

PENUTUP

Berdasarkan data empirikal yang dikongsi ini, diharapkan ia dapat membuka mata pihak-pihak tertentu untuk memandang dengan lebih serius tentang perlunya Kaunseling Islam walaupun dinamakan Kaunseling Perspektif Islam. Menerusi renungan atau introspeksi yang dilakukan ini akan melahirkan celik akal baru, agar masyarakat Islam terutamanya yang berada dalam bidang kaunseling lebih simpatetik kepada usaha untuk mengembangkan Kaunseling Perspektif Islam, agar kita tidak disoal di akhirat nanti. Ini disebabkan Kaunseling Berperspektif Islam yang dikemukakan bukan sahaja syumul, bahkan sesuai untuk sekalian alam. Melalui artikel ini, penulis juga ingin mengajak para kaunselor Muslim melihat data yang dibentangkan, serta mengambil iktibar daripadanya untuk meneruskan perkhidmatan profesional anda sebagai kaunselor profesional yang berperspektif Islam.

RUJUKAN

- Abd. Manaf, K. (1995). *Kaunseling Islam: Perbandingan antara amalan dan teori kaunseling Barat*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Kadir, W. H. (1986). Konsep kaunseling dan bimbingan mengikut pandangan Islam. *Jurnal PERKAMA*, 2.
- Abdul Malek, N.A. (1992). *Konsep manusia menurut pandangan Islam: Satu pemikiran ke arah pembentukan teori kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu.
- Abu Bakar, R. (2009). *Kaunseling daripada perspektif Islam: Apa, siapa, kenapa dan bagaimana*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors,
- Badri, M. (1995). *Successes with Islamic counseling and psychotherapy*. An article presented in The Fourth National Seminar on Islamic Counseling, at Islamic Center, Kuala Lumpur.
- Badri, M. (1398H). ‘*Ulamā’ al-nafs al-Muslimūn fi hujr al-dhab*. Cairo: Majallah Al-Muslim Al-Maāshir.
- Badri, M. (1978). *Dilemma of Muslim psychologists*. London: M.W. H. Publishers.
- Badri, M. (1980). *Dilema Ahli Psikologi Islam*. (Trans. Fadlullah Wilmot) Kuala Lumpur: Fawi.
- Badri, M. (1996). Counseling and psychotherapy from an Islamic perspective. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*.1 (1 &2), 159-175.
- Badri, M. (2002). *The Islamization of psychology: its “why”, its “what”, its “how” and its “who”*. An article presented at the Islamic Perspective of Psychology Inaugural Conference organized by The Australian Society of Islamic Psychology. Australia: University of Western Sydney.

- Counsellors Act 1998. (2006). *Laws of Malaysia: Act 580*. Commissioner of Law Revision and Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Fasilitator Motivasi Muslim. (2017). <http://fasilitatormuslim.blogspot.my/>
- Hamjah, S.H. (2008). *Pendekatan da'wah al-irsyād al-nafsiy menurut al-Ghazāli: Satu kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*, Doctor of Philosophy Thesis in Islamic Studies submitted to Universiti Sains Malaysia.
- Hamjah, S.H. (2015), *Pendekatan kaunseling spiritual menurut Al-Ghazali*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamjah, S.N., & Mat Akhir, N.S. (2013). Islamic Approach in Counselling. *Journal of Religion and Health*.53, 279–289. doi: 10.1007/S10943-013-9703-4
- Hushim. (2017). <http://hushimmotivational.com.my/>
- Jalaludin, K. B. (2006). *Teori kaunseling bina jiwa*. Kangar: Kamaruzzaman Bin Jalaludin.
- KaunselingIslamOnline, 2017 <https://www.facebook.com/KaunselingIslamOnline/>
- Klinik Kaunseling Islam, 2017 <https://klinikkaunselingislam.wordpress.com/>
- Klinik Sikses Aniz Azwar, 2017 <http://www.anizanwar.com>
- Langgulung, H. (1986). *Teori-teori kesehatan mental*, Jakarta: Pustaka Al Husna.
- Mohamed, O. (2005). *Strategies in counseling practices*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohammad S.H. (1987). Bimbingan dan kaunseling dari sudut pandangan Islam, in *Bimbingan dan kaunseling di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd, A. & Tim Pengkaji Hadith Psikologi. (2013). *Hadith kaunseling gaya Nabi Muhammad*. Batu Caves: Buku Pandai Publications.
- Othman, A.H. (1986). *Beberapa isu kaunseling barat dan implikasinya terhadap praktik kaunseling di Malaysia*. An article presented in Seminar Kaunseling Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, A.H. (1996). Konsep kaunseling dan bimbingan mengikut pandangan Islam. *Journal PERKAMA*, 2, 88-95.
- Persatuan Kaunseling Syar'ie Malaysia (2017).[http://paksi.org/2017/09/03/gambar/retrieved on 12/9/2017](http://paksi.org/2017/09/03/gambar/retrieved%20on%2012/9/2017).
- Raba, A.R. & Othman, A. H. (1998). Toward Islamization of guidance and counselling. *Jurnal PERKAMA*. 7.
- Salleh, A. (1993). *Kaunseling Islam asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Saper, M.N. (2012). *Pembinaan modul bimbingan 'tazkiyah an-nafs' dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi remaja*. Unpublished Doctor of Philosophy thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Sarmani, Y. & Mohd. Ninggal, T. (2003). *Kaunseling Islam dalam membina masyarakat madani*. Paper presented at the 11th Malaysian Counselor Association (PERKAMA) Convention, at Eden Garden Hotel, Johor Bahru, 25-27 Jun 2003.
- Sarmani, Y. (2005). *Pendekatan Kaunseling Islam: Satu analisis kualitatif model kaunseling berasaskan sifat-sifat manusia oleh Imam Ghazali*. Unpublished Doctor of Philosophy Thesis in Islamic Studies, University Technology of Malaysia.
- Sarmani, Y. (2008). *Teori kaunseling Al-Ghazali*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Seminar Bimbingan dan Kaunseling Islam Kali Pertama, (2017). <http://www.ukm.my/fpi/news/seminar-bimbingan-dan-kaunseling-islam-kali-pertama/>
- UKM Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam, (2017) <http://www.ukm.my/fpi/event/seminar-antarabangsa-kaunseling-islam-2016/>
- Universiti Utara Malaysia. (2003). *Prosiding Seminar Kebangsaan Kaunseling Berperspektif Islam*, 1-3 Mei 2003, Hotel Helang, Langkawi.
- Wan Abdul Kadir, W.H.A. (1986). Konsep kaunseling dan bimbingan mengikut pandangan Islam. *Journal PERKAMA*, 2, 88-95.
- Wan Abdul Kadir, W.H.A. (1995). *Kaunseling dan psikologi menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd, W.M. (2013). *Terapi Asmaul Husna dalam kaunseling*. Kuantan: Wan Maseri Wan Mohd.
- Yusuf, Z. (1992). *Bimbingan Kaunseling Di Malaysia: Satu Tinjauan*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Zakaria, N & Mat Akhir, NS. (2016). Redefining Islamic counseling according to the perspective of Malaysian Muslim counselors, *Advanced Science Letters*, 22(9), 2215-2219(5), doi: <https://doi.org/10.1166/asl.2016.7570>
- Zakaria, N & Mat Akhir, NS. (2016b). Theories and modules applied in Islamic counseling practices in Malaysia, *Journal of Religion and Health*. 1–14, retrieved online from <http://link.springer.com/article/10.1007/s10943-016-0246-3>, doi: 10.1007/s10943-016-0246-3
- Zakaria, N & Mat Akhir, NS. (2017). The recognition of Islamic and Christian counseling in Malaysia: A comparative study. *Science International (Lahore)*, 28(5), 4501-4506.
- Zakaria, N & Mat Akhir, NS. (2017). The recognition of Islamic and Christian counseling in Malaysia: A comparative study. *Science International (Lahore)*, 28(5), 4501-4506.
- Zakaria, N. (2017). *A Comparison Of The Recognition Of Islamic And Christian Counselling In Malaysia*, tesis doktor falsafah yang dikemukakan kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Zayed, T.M. (2014). Conceptual and practical understanding of counseling in Islam. *Malaysian Online Journal of Counseling*. 2(1), 15-27.